

# MAJLIS KHATAM TADARRUS AL-QURAN MASJID PU SUBANG

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5077-majlis-khatam-tadarrus-al-quran-masjid-pu-subang](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5077-majlis-khatam-tadarrus-al-quran-masjid-pu-subang)

SUBANG, 29 Mei 19 - Pejabat Agama Pangkalan anjuran bersama Masjid Pangkalan Udara Subang telah melaksanakan Majlis Khatam Tadarrus Al-Quran peringkat Pangkalan Udara Subang pada 29 Mei 2019 bersamaan 24 Ramadhan 1440H.

Majlis Khatam ini telah disertai oleh seramai 101 peserta yang terdiri daripada 40 peserta lelaki dan kanak-kanak serta 61 peserta dari kalangan wanita. Kesemua peserta telah menjalankan tadarrus pada setiap hari pada waktu pagi dan selepas tarawih sepanjang bulan Ramadhan.

Majlis Khatam Tadarrus Al-Quran ini telah disempurnakan oleh Brig Jen Dato Hj Muhammad Mudzamir Ong bin Abdullah TUDM, Komander Pangkalan diiringi Kol Mohd Azwan b Mohd Pohari TUDM, Pegawai Laksana Pangkalan merangkap Nazir Masjid PU Subang. Turut hadir adalah Pengurus BAKAT Pangkalan, semua Pegawai Memerintah dan Ketua Cawang.



